

# Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



Pada 27 Oktober 2010, Kuala Lumpur sekali lagi melakar kenangan manis apabila Little India, sebuah kawasan tumpuan masyarakat India di Brickfields yang memulakan proses pembinaannya sejak 2008 lalu akhirnya dirasmikan oleh YAB, Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia dan rakan sejawatnya dari India, Dr. H.E. Manmohan Singh.

Dalam majlis itu juga, kedua-dua pemimpin negara melancarkan sebuah kolam pancutan air yang menjadi simbol bermulanya suatu langkah baru dalam hubungan rapat antara kerajaan dan kerajaan serta rakyat dengan rakyat kedua-dua buah negara.

Dalam ucapan perasmianya, YAB Datuk Seri Najib berkata, pancutan air yang baru dibina ini merupakan mercu tanda dan akan menjadi tempat untuk pelancong dan yang pasti akan memberi manfaat kepada penduduk di sekitar Brickfields. Turut hadir pada majlis itu ialah YB, Dato' Raja Nong Chik Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Timbalannya, YB Datuk M.Saravanan serta YBhg. Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Little India meliputi kawasan dari Jalan Travers ke Jalan Tun Sambanthan dengan fasa pertamanya dijangka siap Disember ini.



**LITTLE INDIA**  
DIRASMI DUA  
PERDANA MENTERI

## *Dari Meja Datuk Bandar* **Datuk Seri Ahmad Fuad B. Ismail**



**S**istem KUL-Submission telah menjadikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai PBT pertama dan terawal yang menawarkan perkhidmatan pengemukaan permohonan cadangan pembangunan secara online di dalam skop pelaksanaan One Stop Centre (OSC) yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sistem yang dibangunkan ini bermula dari proses pengemukaan permohonan sehingga ke peringkat memberi keputusan. Pemohon tidak perlu lagi beratur atau menunggu di kaunter dengan membawa perbagai pelan permohonan. Dengan erti kata lain, 'cost of doing business' akan dapat dikurangkan dan ia sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan sektor hartanah.

Di dalam kesibukan mengejar arus pembangunan, DBKL juga tidak luput memainkan peranan menjayakan program-program **Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2010** yang diaturkan bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka di dalam memartabatkan bahasa kebangsaan. Seperti mana-mana agensi kerajaan yang lain, DBKL mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dalam semua urusan rasminya sama ada tulisan maupun lisan. Ianya turut melibatkan penguatkuasaan ke atas penggunaan bahasa kebangsaan di papan tanda iklan, nama-nama jalan dan tunjuk arah, serta penamaan Taman di Kawasan Perbandaran, Taman-taman Rekreasi serta Bangunan Premis Perniagaan di tempat-tempat awam.

Keunikkan pelbagai kaum dan bahasa serta kemodenan pembangunan bandaraya Kuala Lumpur telah berjaya merealisasikan impian mewujudkan bandaraya berkembang bersama Bandaraya Chennai. Dengan termeterai **Memorandum Persefahaman (MOU)**, diharapkan kedua-dua bandaraya ini dapat meningkatkan hubungan kerjasama di dalam pelbagai aspek meliputi kerjasama di dalam aspek kebudayaan, ekonomi serta pelancongan.

### FROM THE MAYOR'S DESK

KUL-Submission Systems has turned Kuala Lumpur City Council as the first PBT and a pioneer offering online service for the submission of development proposals applications within the implementation scope of the One Stop Centre (OSC) introduced by the Local Government Housing Ministry (KPKT). This system was developed to assist customers from the start of the application submission process until the final result stage. Applicants need no longer cue or spend time waiting at the counter with their application plans. In other words it cuts the cost of doing business and at the same time spurs real estate growth. 100

While occupied with the hectic flow of development, DBKL does not forget to play a main role in organizing programs such as the Bulan Bahasa Kebangsaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2010 level which was co-arranged with Dewan Bahasa dan Pustaka to uphold the national language. Like any other government agencies, DBKL ensures the proper and correct usage of the national language compulsory in all its official business either written or orally. It also strictly implement the usage of the national language on bill boards, road signs and directions signs, including the naming residential areas, recreational parks, buildings, business premises and public areas. 104

The unique racial diversity and language plus its modern development complimented Kuala Lumpur City to realize the dream of being named as the twin city of Chennai. It is hope that the signing of the Memorandum of Understanding (MOU) will strengthen the ties and cooperation in various aspects covering culture, economy and tourism between the two cities.

## SIDANG REDAKSI

Penasihat: Y.Bhg Datuk Seri Ahmad Fuad B. Ismail  
Ketua Editor: Y.Bhg Datuk Hj Salleh Bin Yusop  
Editor: Anwar Bin Mohd Zain  
Sub-editor: Nor Iz Hayza Binti Md Zam  
Pemb. Editor: Emz Hezrin Binti Hanafiah  
Wan Norazah Binti Wan Md Nor  
Jurufoto: Mubarak Bin Atan  
Abd Rhani Bin Md Shohor  
Md Ismail Bin Isnin

Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL  
Hendaklah dialamatkan kepada:  
Sidang Redaksi Berita Bandaraya,  
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,  
Menara DBKL1, Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur

Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2698 0460  
E-mel: penerbitan@dbkl.gov.my

## ISI KANDUNGAN

- 1 LITTLE INDIA DIRASMI DUA PERDANA MENTERI
- 2 DARI MEJA DATUK BANDAR / FROM THE MAYOR'S DESK
- 3 LITTLE INDIA WAS HONOURED BY TWO PRIME MINISTERS
- 4 AKTIVITI JABATAN KOMUNITI
- 5 AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN
- 6-7 BERITA BERGAMBAR
- 8 ISU ILMIAH / SERIUS
- 9 ISU ANTARABANGSA
- 10 SUARA ANDA
- 11 DISEBALIK TABIR
- 12 INFO DBKL
- 12 HUBUNG! KAMI

# LITTLE INDIA was honored by 2 Prime Ministers



**O**n October 27 2010, Kuala Lumpur experienced another sweet memory when Little India, a place very much associated with the Indian community in Brickfields, which started to be developed since 2008 was officially opened by the Prime Minister, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak and his counterpart from India, Dr. Manmohan Singh.

In the same event the two leaders launched a fountain to mark a new beginning of a closer relationship between the two governments and the people of the two countries.

In his speech, YAB Datuk Seri Najib said the newly built fountain will become a landmark for tourist and a benefit for the Brickfields community. Present at the event was Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik Dato' Raja Zainal Abidin, the Federal Territory and Urban Prosperity Minister, his deputy, Yang Berhormat Datuk M. Saravanan as well as Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail, the Mayor of Kuala Lumpur.

Little India engulves the areas along Jalan Travers to Jalan Tun Sambanthan with its first phase of development scheduled to be completed in December this year.